

05/02/1997

Pasukan petugas atasi defisit dagangan

SEBUAH pasukan petugas Malaysia-Jepun ditubuhkan untuk mengkaji ketidakseimbangan dagangan di antara kedua-dua negara dan memberi tumpuan kepada mengatasi defisit dagangan yang dihadapi Malaysia dalam hubungan dagangannya dengan Jepun.

"Ini adalah ekoran daripada perbincangan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto ketika lawatan beliau ke negara ini pada awal Januari lalu," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, semalam.

Pasukan Jepun akan diketuai Ketua Pengarah Hal Ehwal Ekonomi Antarabangsa Kementerian Perdagangan dan Industri, Kazamasa Kusaka manakala Malaysia diwakili Ketua Setiausaha MITI, Datuk Asmat Kamaluddin.

Pasukan petugas ini, akan mencari pendekatan yang positif bagi menyelesaikan defisit dagangan.

(END)